

Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Rumah Persekutuan.  
Jalan Hishamuddin,  
Jalan Sultan Hishamuddin,  
Kuala Lumpur.

7hb. April, 1970

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1970**

### **Penanaman Modal oleh Pegawai-pegawai Kerajaan**

Adalah saya di arah menarek perhatian tuan kepada Peratoran 7. Peratoran Pegawai Awam (Kelakuan danTatatertib) **Perintah 'Am Bab 'D'**, 1969 yang dikuatkuasakan pada 28hb. Julai, 1969. Mengikut **Perintah 'Am Bab 'D'** adalah disharatkan bahawa pegawai-pegawai adalah dikehendakki tidak lewat daripada 3 bulan selepas mereka di lantek atau pun dalam tempoh 3 bulan mereka memperolehi harta atau pun pelaburan melaporkan pelaburan atau harta yang mereka perolehi kepada Pihak Berkuasa Tatatertib. Jika ada apa-apa was-was tentang sama ada pelaburan atau pun harta yang dipegang itu bertelingakan dengan tatatertib sebagai pegawai Kerajaan maka hendaklah pegawai yang berkenaan memohon kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tatatertib sebelum memperolehi harta atau pelaburan tersebut.

2. **Surat Pekeliling Perkhidmatan bil. 22/69** menerangkan chara-chara harta atau pelaburan itu dikehendaki dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini akan menentukan jenis dan had pelaburan yang mungkin diperolehi oleh pegawai Kerajaan.

3. Melainkan mereka yang memegang jawatan seperti yang dichatetkan dalam **jadual** kepada Pekeliling ini, kebenaran biasanya diberi bagi pegawai-pegawai Kerajaan menanam modal dalam sharikat yang didaftarkan dalam negeri ini tertakluk kepada syarat seperti berikut :-

- (i) Memegang pelaburan hingga tidak melebihi \$10,000 bagi tiap-tiap satu sharikat dengan sharikat-sharikat yang telah menerima modal tidak kurang daripada \$1 juta;
- (ii) Memegang pelaburan dalam Malayan Unit Trusts Ltd. atau MARA Unit Trusts Fund sebanyak tidak melebihi \$10,000. Jika melebihi had ini hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Tatatertib;
- (iii) Dengan syarat tidak melebihi \$10,000 memegang pelaburan dengan Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad dan Sharikat Permodalan dan Perusahaan Perak Berhad.

4. Pegawai tidak dibenarkan memegang pelaburan atau apa chara pun penanaman modal atas nama-nama saudara mereka melainkan telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tatatertib. Istilah saudara tidak termasuk isteri. Penanaman modal di atas melainkan perenggan 3 (iii) hendaklah di laporkan kepada pihak berkuasa Tatatertib sebagaimana yang ditetapkan oleh **Surat Pekeliling Perkhidmatan bil. 22/69**. Jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengarahkan, pegawai yang berkenaan hendaklah menghapuskan pelaburan-pelaburan yang mereka telah perolehi.

5. Bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat di jabatan sebagaimana dalam jadual yang di kembalikan mereka hendaklah meminta kebenaran terlebih dahulu dengan Pehak Berkuasa Tatatertib sebelum menanam modal dalam mana-mana satu sharikat melainkan dengan Malayan Unit Trusts Ltd. atau MARA Unit Trusts Fund. Pegawai yang memegang jawatan seperti dalam jadual yang dikembalikan yang telah memperolehi saham-saham sebelum mereka dipindahkan ke jawatan tersebut hendaklah menjual pelaburan mereka itu sebelum tamat tempoh 3 bulan daripada tarikh mereka mula memegang jawatan tersebut. Jika mereka tidak dapat menjual saham itu dalam tempoh tersebut perkara ini hendaklah dilaporkan kepada Pehak Berkuasa Tatatertib.

6. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini maka Surat-surat Pekeliling berikut adalah di batalkan :-

- (a) **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1960** bertarikh 10.6.60.
- (b) **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1963** bertarikh 6.2.63.
- (c) **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1965** bertarikh 2.11.65.

Saya yang menurut perintah,

(HASHIM BIN HAJI SALLEH)  
Bahagian Perkhidmatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Setia Usaha-Usaha Tetap/Setia Usaha-Usaha Kementerian.

Ketua-ketua jabatan Persekutuan.

Salinan : Y.B. Setia Usaha-Usaha Kerajaan Negeri.

Setia Usaha Tetap kepada Ketua Menteri Sabah.

---

1. S.P.P. ini dibatalkan oleh [P.P. Bil. 4/81](#) bertarikh 6.11.1981

## **JADUAL**

1. Jawatan-jawatan Bahagian I dan II dalam Pejabat-pejabat Setia Usaha Kerajaan, Pejabat-pejabat Daerah dan Pejabat-pejabat Tanah.
2. Jawatan Bahagian I dan II dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan Jabatan-jabatan di bawah kelolaan Kementerian ini.
3. Jawatan bahagian I dalam Perbendaharaan.
4. Jawatan Bahagian I dan II dalam Jabatan Galian, Pengangkutan Jalan Raya dan Imigresen.
5. Jawatan yang dipegang oleh pegawai Kerajaan Bahagian I dengan chara pinjaman sementara yang di dalam badan-badan berkanun yang menjalankan urusan perniagaan atau pun menjalankan Perkhidmatan Pembangunan dan Kemajuan Tanah, Galian, Perlombongan atau perusahaan.